



Home / 2024 / October / OBE Refresher with FPA – “Meningkatkan Profesionalisme Staf Akademik ke Arah Pembelajaran Berkesan”

GRU2025

04/10/2024 / NURAINI MOHD NOOR



**BENGGKEL  
OBE REFRESHER WITH FPA**

Penceramah:

 **Dr. Nuraini Mohd Noor**  
Ketua Pusat Pengajian  
Pra Siswazah (Ijazah)

 **Ts. Dr. Nur Qursyna Boll Kassim**  
Ketua Pusat Pengajian  
Pra Siswazah (Diploma)

**TAKLIMAT  
PENYEDIAAN e-COURSE FILE  
DAN TEACHING PORTFOLIO**

Penceramah:

 **Dr. Nur Suraya Abdullah**  
Ketua Unit Kualiti

 **En. Mohamad Zaharudin Sariman**  
Koordinator iCEPS

 **30 SEPTEMBER 2024**  
**9.00 PAGI - 1.00 PETANG**


 **PLATFORM WEBEX**

**BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK  
FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI**

30 September 2024 – Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah menganjurkan bengkel berkaitan *Outcome Based Education* (OBE) kepada semua staf akademik yang melibatkan para pensyarah dari kampus Jasin, Arau, Perlis, Mukah, Samarahan dan Kota Kinabalu. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik dengan kerjasama Unit Kualiti Fakulti.

Sesi pertama bengkel telah dikendalikan oleh Dr. Nur Qursyna Boll Kassim iaitu Ketua Pusat Pengajian Prasiswazah (Diploma). Dalam sesi ini, Dr. Qursyna telah menekankan mengenai konsep dan prinsip OBE, iaitu pendekatan pendidikan yang memfokuskan kepada

hasil pembelajaran yang jelas dan terukur. Beliau juga membantu pensyarah untuk memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian bagi memastikan pelajar mencapai tahap kompetensi yang diinginkan.



Sesi kedua bengkel pula telah dikendalikan oleh Dr. Nuraini Mohd Noor selaku Ketua Pusat Pengajian Prasiswazah (Ijazah). Untuk sesi ini, Dr. Nuraini telah menekankan kepentingan merangka Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), Jadual Spesifikasi Ujian Berterusan (JSUB) dan Jadual Spesifikasi Projek (JSP) yang jelas dan mengikut standard OBE untuk setiap kursus yang ditawarkan. Beliau juga membimbing peserta untuk merangka dan menyediakan jadual-jadual tersebut secara tepat dan komprehensif.

Penganjuran bengkel ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan fakulti bagi memastikan para pensyarah dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan terkini berkaitan OBE . Pada akhir bengkel, para peserta sebulat suara menyokong pelaksanaan lebih banyak program seumpamanya pada masa akan datang bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan yang berasaskan hasil pembelajaran yang berkualiti.

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK](#), [Fakulti Pendidikan dan Agroteknologi \(FPA\)](#), [Outcome Based Education \(OBE\)](#), [UiTM Kampus Arau](#), [UiTM Kampus Baidari](#), [UiTM Kampus Ipoh](#), [UiTM Kota Bharu](#), [UiTM Samarahan](#), [Unit Kualiti Fakulti](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

< 1st International Student Leadership Symposium: Integrity Matters

UITM dan Tiquar Enterprise Jalin Kerjasama Tingkatkan Minat Pelajar Dalam Stem Melalui Pertandingan F1 in Schools >

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul  
Ehsan  
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000



Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress